

Kg Baru: 'Buka keanggotaan satu langkah positif'
MalaysiaKini.com
January 19, 2012

Dewan Pemuda PAS Kawasan Titiwangsa (DPPKT) menyambut baik usaha Menteri besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim untuk melakukan penambahbaikan terhadap Lembaga Pentadbir Penempatan Pertanian Melayu (MAS) di Kampung Baru bagi menjaga kepentingan penduduk tersebut.

NONEAntara usaha tersebut ialah dengan membuka keanggotaan MAS kepada pelbagai kelompok masyarakat dan kumpulan profesional supaya ia lebih berkesan dalam memastikan kepentingan pemilik tanah dapat dipertahan.

"DPPKT menganggap keputusan Menteri Besar Selangor itu amat baik dan berpetepatan pada masanya," kata ketua DPPKT, Mohamad Suhaimi Abdul Aziz dalam satu kenyataan hari ini.

Ini, tegas Mohamad Suhaimi menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat amat prihatin terhadap nasib rakyatnya yang jauh mendahului kerajaan Umno-BN.

"Menteri Besar Selangor membuktikan bahawa Kampung Baru tidak tertinggal dalam agenda pembangunan negeri Selangor, malah ianya masih menjadi perhatian utama negeri tersebut sehingga beliau sendiri turun menjenguk dan berdialog dengan rakyat semalam," tambahnya.

NONEMenurutnya, langkah membuka keanggotaan MAS kepada pelbagai kelompok masyarakat dan kumpulan profesional amat baik supaya peranan MAS benar-benar dapat digerakkan oleh mereka yang berkeelayakan serta berniat untuk menjaga kepentingan penduduk.

"MAS perlu memainkan peranan yang penting selaku organisasi perantara antara pihak kerajaan dengan suara penduduk.

"MAS perlu menyampaikan suara penduduk kepada pihak kerajaan di samping sebagai pemudah cara antara pihak berkuasa dengan penduduk," katanya.

Selain itu, tambah Mohamad Suhaimi, keberadaan MAS sebagai badan pendesak bagi memastikan kepentingan penduduk terpelihara.

"DPPKT tidak mahu tragedi Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baru yang diluluskan di Parlimen dan Dewan Negara tempoh hari dengan mudah tanpa campurtangan dan bantahan oleh MAS," tegasnya

NONEKatanya, meskipun keanggotaan ini dibuka kepada pelbagai kelompok masyarakat dan profesional, DPPKT mengharapkan ianya dikawal dan dihadkan hanya kepada pemilik serta pewaris Kampung Baru sahaja.

"Ahli jawatankuasa MAS pula dipilih dari suara majoriti pemilik tanah Kampung Baru tanpa adanya campurtangan dari mana-mana pihak.

"DPPKT menaruh harapan agar Mas benar-benar bebas daripada campurtangan pihak luar supaya tiada 'tangan hitam' yang menggerakkan organisasi tersebut," tambahnya.